

KUALA LUMPUR, 7 OKTOBER (BERNAMA) -KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MEMENTUK SEBUAH JAWATANKUASA KHAS UNTUK MEMBERIKAN PERHATIAN YANG LEBIH LAGI TERHADAP PENGAJARAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN, DEMIKIAN KATA MENTERI BERKENAAN DR. MAHATHIR MOHAMED.

USAHA TERSEBUT BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN SATU JENERASI MASYARAKAT YANG BERSATU DAN BERDISIPLIN, TAMBAHNYA DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN BALAI MUHIBBAH, AKHBAR TERBITAN LEMBAGA PERPADUAN NEGARA, KELUARAN TERBARU.

BELIAU MENYATAKAN PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM KEMENTERIAN-NYA TELAH MEMBUAT KAJIAN SAMADA PELAJARAN SIVIK DISEKOLAH-SEKOLAH TELAH MEMBERI KESAN YANG DIKEHENDAKI.

SETAKAT INI, KATANYA, AGAK SUSAH UNTUK MENILAI KERANA MATA PELAJARAN TERSEBUT BELUM DIWAJIBKAN DAN MURID-MURID TIDAK DIKEHENDAKI MENGAMBIL UJIAN.

MENYENTUH TENTANG DASAR PELAJARAN NASIONAL BELIAU MENEGASKAN BAHAWA IANYA DIBENTUK KHAS BAGI MENCAPAI CITA-CITA NASIONAL.

+SEBARANG LANGKAH UNTUK MENGADAKAN SEKOLAH-SEKOLAH BEBAS DARI MANA-MANA GOLONGAN ADALAH TERKELUAR DARI CITA-CITA TERSEBUT.+ KATANYA. -- BERNAMA 1242/LK